PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (1) Mei 2022 (075-087)

Penggunaan Singkatan dalam Sistem Pesanan Ringkas oleh Majlis Keselamatan Negara

[1]Harishon Radzi , [2] Nur Anis Syafiqa Zulkefli & [3]Junaini Kasdan
naslin@ukm.edu.my, A167926@siswa.ukm.edu.my
& junaini@ukm.edu.my

[1]*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,Universiti Kebangsaan Malaysia.*

[3]*Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tarikh terima : 11 Mei 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 20 Mei 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2022
Published online

Abstrak

Disiplin linguistik kini telah mengalami anjakan baharu dengan kemunculan istilah-istilah baharu ekoran daripada penularan pandemik Covid-19. Dengan tercetusnya wabak ini, pengkaji dapat melakukan pelbagai kajian yang berkaitan, termasuklah kajian terhadap pembentukan kata yang memfokuskan singkatan. Kajian ini adalah berkaitan penggunaan singkatan inisialisme dalam sistem pesanan ringkas (SMS) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis singkatan yang digunakan dalam teks mesej yang disebarkan kepada orang ramai. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan menganalisis data-data daripada teks mesej yang dihantar oleh pihak MKN dari Mac 2020 sehingga Disember 2020. Hasil analisis mendapati 20 data berbeza (dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), dan dipecahkan mengikut kategori masing-masing yang selanjutnya akan dibincangkan menerusi konteks ayat penuh berdasarkan penggunaannya yang berkait dengan Covid-19. Kajian ini menggunakan pendekatan Ismail Dahaman (2017) menerusi buku beliau yang berjudul *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung*. Penemuan yang pelbagai terhadap jenis-jenis singkatan yang menarik dapat membuktikan bahawa penggunaan singkatan dalam penyampaian maklumat adalah signifikan dalam kalangan masyarakat tempatan. Tindakan ini juga sebenarnya membantu masyarakat untuk mengenali dan mengingati singkatan-singkatan yang digunakan dalam konteks yang betul. Tambahan pula, atas faktor kekangan bilangan patah perkataan bagi setiap mesej yang dihantar, penggunaan singkatan adalah perlu bagi memastikan mesej tersebut adalah jelas dan dapat difahami

Kata Kunci: Pembentukan kata, singkatan, Covid-19, SMS, MKN

The Use of Abbreviations in Short Message Service (SMS) by Malaysian National Security Council (NSC)

Abstract

The discipline of linguistics has now undergone a new shift with the emergence of new terms in the wake of the Covid-19 pandemic outbreak. With the outbreak of this epidemic, researchers were able to make a variety of related studies including studies on word formation that focus on abbreviations. This study is related to the use of abbreviations in the short message service (SMS) of the Malaysian National Security Council (NSC). The purpose of this study was to identify the types of abbreviations used in the text of messages disseminated to the

public. The research method used is to analyze the data from the text of the message sent by the NSC from March 2020 to December 2020. The results of the analysis found 20 different data (in Malay and English), and categorized according to their respective categories which will be further discussed through the context of full sentences based on their use related to Covid-19. This study employs Dahaman Ismail (2017) through his book entitled Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung. The diverse findings on the types of interesting abbreviations can prove that the use of abbreviations in the delivery of information is significant among the local community. This action also actually helps the community to recognize and remember the abbreviations used in the right context .Furthermore, due to the constraint factor of the number of words for each message sent, the use of abbreviations is necessary to ensure that the message is clear and understandable.

***Keywords**: Word formation, abbreviations, Covid-19, SMS, NCS*

---

1. Pengenalan

Singkatan merupakan proses pembentukan kata yang merujuk perlakuan yang menghasilkan struktur perkataan iaitu cara mofem sebagai unsur pembentuk kata disusun dan digabungkan menjadi perkataan. Hal ini bersesuaian dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa aglutinatif **(**Fazal Mohamed et al. 2010). Proses pembentukan kata dipecahkan kepada dua iaitu pembentukan kata tunggal dan pembentukan kata kompleks (proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan). Manakala pembentukan kata tunggal merujuk kepada proses penyingkatan kata yang dikategorikan dalam jenis kata akronim (Ismail Dahaman 2017:8).

Nik Safiah Karim et al. (2015:598) pula berpandangan bahawa proses pembentukan kata adalah satu proses membina perkataan, yang mewujudkan kehadiran morfem dalam suatu unsur perkataan yang disusun dan dicantumkan untuk membentuk perkataan. Kebiasaannya, proses pembentukan kata yang berada di bawah bidang morfologi ini melibatkan proses penggabungan atau pencantuman antara satu morfem dengan morfem yang lain seperti yang berlaku dalam pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Namun, dalam konteks ini, proses pemendekan kata yang melibatkan singkatan akan dilihat dan diteliti dengan lebih jelas. Hal yang sama dinyatakan oleh Abdullah Hassan menerusi bukunya *Morfologi* (2006).

1.1 Permasalahan Kajian

Kata singkatan semakin meluas diterima pakai dalam penggunaan Bahasa Melayu. Banyak kajian lepas yang menggunakan istilah-istilah yang berbeza bagi menggambarkan proses-proses penyingkatan atau pemendekan kata. Penyingkatan kata merupakan satu sub topik yang jarang dikaji namun mempunyai keunikannya yang tersendiri. Proses ini melihat pemendekan, iaitu pembentukan kata yang berasaskan pengurangan, sebagai salah satu langkah pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Namun begitu, menurut Amat Juhari Moain (1985) dalam Muhammad Marwan Mohd Tanos dan Nik Safiah Karim (2014), pembentukan kata dan istilah baharu melibatkan beberapa proses iaitu akronim, penggemblengan dan penyingkatan. Kesemua proses ini adalah mekanisme yang digunakan untuk memendekkan sesuatu perkataan untuk menjadi istilah yang baharu. Oleh sebab itu, kemunculan istilah-istilah baharu yang terbina hasil daripada proses pembentukan kata adalah banyak terutamanya apabila satu kelompok masyarakat terus menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka.

Sejajar dengan tercetusnya penularan pandemik Covid-19 di Malaysia, kepenggunaan terminologi baharu yang wujud bukan sahaja dalam pembentukan kata, malahan istilah-istilah yang sudah ada namun jarang diguna pakai sehingga kini turut digunakan kembali. Perkembangan penggunaan kata singkatan inisialisme (singkatan nama khas) sudah mewujudkan kerancuan bahasa kerana singkatan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris turut diguna serentak dalam konteks ayat Bahasa Melayu. Dalam satu segi, meskipun singkatan Bahasa Melayu sedia ada tetapi pada masa yang sama diterima pakai singkatan Bahasa Inggeris. Contohnya WFH dan BDR ditemui dalan mesej yang disebarkan oleh MKN. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan mengenai pembentukan kata yang memfokuskan aspek kata singkatan inisialisme yang muncul semasa penularan wabak virus korona di

Malaysia. Singkatan kata ini diteliti berdasarkan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh tertentu.

Sementelah kajian ini memfokuskan kepada pembentukan kata yang berlaku dalam penggunaan aplikasi SMS semasa penularan wabak ini, dua konsep perlu diterangkan bagi memastikan kajian ini dapat difahami dengan lebih jelas. Dua konsep yang penting dalam kajian ini adalam perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

SMS atau nama panjangnya *short message service* atau lebih dikenali sebagai perkhidmatan pesanan ringkas dalam bahasa Melayu (https://www.textmagic.com/blog/what-is-sms-and-how-is-it-different-from-text-messages/ [18 November 2020]). Perkhidmatan ini adalah salah satu komponen perkhidmatan pesanan teks yang boleh didapati di dalam kebanyakan sistem telefon, Internet dan mana-mana peranti mudah alih. Selain itu, perkhidmatan ini menggunakan satu sistem komunikasi standard yang membolehkan pengguna untuk menukar pesanan teks pendek melalui peranti mudah alih mereka. Bahkan, terdapat juga perisian yang membolehkan pengguna untuk meninggalkan pesanan teks tersebut dalam bentuk suara dan pesanan tersebut disimpan ke dalam mel suara (*voicemail*) (https://www.mitel.com/features-benefits/voicemail [18 November 2020]). Jadi, tidak peliklah sekiranya pengguna menggunakan perkhidmatan ini kerana ianya lebih mudah, cepat dan jimat. Sebelum teknologi berkembang dengan adanya pelbagai aplikasi yang membolehkan pengguna berinteraksi antara satu sama lain, SMS adalah satu medium terkenal digunakan untuk berkomunikasi. Perkara ini terbukti apabila statistik menyatakan bahawa transaksi mesej yang diterima daripada rangkaian perkhidmatan di Malaysia telah mencatatkan jumlah sebanyak 6.1 juta sehingga tahun 2003 (Norizah Aripin 2004).

Seterusnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan satu organisasi yang bertanggungjawab dalam aspek kesihatan. Sepanjang tempoh penularan wabak Covid-19 ke seluruh negara, KKM telah membantu kerajaan untuk sama-sama menangani wabak ini. Menurut sejarah, sejarah perkhidmatan kesihatan negara telah bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Pada waktu itu, penubuhan hospital adalah untuk merawat buruh-buruh dalam industri perlombongan bijih timah. Mereka telah dikenakan caj sebanyak 50 sen setahun untuk mendapatkan rawatan. Oleh sebab itu, pembinaan hospital berlaku dengan pesat terutamanya di negeri yang mempunyai insdustri perlombongan bijih timah seperti Perak (https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2531?mid=13 [18 November 2020]).

Setelah negara mencapai kemerdekaan, kementerian telah menunjukkan perhatian untuk membaik pulih terhadap perkhidmatan kesihatan negara. Pembangunan yang dilakukan itu berjaya dengan menaik taraf perkhidmatan yang sedia ada. Badan ini yang juga dikenali sebagai Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat bernaung di bawah menteri pertamanya iaitu, B. Dato' V.T. Sambathan (1957-1959). Namun, nama itu ditukar kembali kepada nama asal, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1963 dan masih dikekalkan sehingga kini (https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2531?mid=13 [18 November 2020]). Perkhidmatan kesihatan di negara kita sering dipuji dan menjadi rujukan negara-negara lain dengan perkembangan teknologi serta teknik perubatan seperti dalam bidang Kardiologi dan Geriatrik. Bahkan, Kementerian Kesihatan Malaysia terus berkembang dengan pertambahan fasiliti-fasiliti kesihatan yang dibina untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

Tambahan pula, fokus kajian ini mempunyai perkaitan dengan penularan pandemik, kajian terdahulu mendapati bahawa virus korona adalah satu virus yang tidak merbahaya. Namun begitu, keadaan telah berubah setelah dunia digemparkan dengan jenis virus yang sama yang menyebabkan kematian ramai orang. Virus ini yang awalnya dikenali sebagai virus korona (CoV) telah tersebar di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, China, Singapura, Thailand dan negara-negara lain telah menyebabkan sindrom pernafasan akut teruk (SARS) sehingga mengorbankan ramai nyawa (Kumar Malviya & Kumar Sharma, 2020 dalam Junaini Kasdan 2020). Wabak ini yang mula dikesan pada hujung tahun 2019 di Wuhan, China juga dikenali sebagai Novel Coronavirus (2019-nCoV) yang kemudiaannya dinamakan sebagai Covid-19 yang dipendekkan daripada *Coronavirus Disease* 2019.

Setelah berlaku peningkatan kes positif yang tinggi di seluruh dunia, Pertubuhan Keselamatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit telah mengisytiharkan bahawa virus baharu ini sebagai pandemik (https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1 [18 November 2020]). Pengisytiharan ini hanya dilakukan apabila terdapat penyakit berjangkit yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan semua individu dalam skala yang besar. Ini membuktikan bahawa pandemik yang menimpa dunia pada waktu kini bukanlah perkara yang boleh diambil mudah.

Objektif makalah ini adalah untuk:

i. mengenal pasti jenis-jenis singkatan yang diguna pakai dalam SMS
ii. membincangakan struktur penggunaan kata singkatan dalam teks mesej yang disebarkan kepada orang ramai yang khusus berkaitan COVID-19.
iii. meneliti konteks teks mesej yang dihantar oleh pihak MKN.

2. Sorotan Literatur

Perbincangan yang telus terhadap kosa ilmu lepas menunjukkan bahawa kajian berkaitan dengan pembentukan kata khusus singkatan @ kependekatan kata adalah kurang. Antara kajian yang membincangkan aspek pembentukan kata telah dilakukan oleh Nani Astuti pada tahun 2014 yang bertajuk *Singkatan dan Akronim di Kalangan Remaja di Kota Bandung*. Kajian tersebut adalah bertujuan untuk melihat aspek perkembangan bahasa yakni penggunaan singkatan dan akronim yang berlaku mengikut trend semasa. Perubahan bahasa yang digunakan semasa proses komunikasi sering berlaku dalam kalangan remaja. Oleh sebab itu, kajian ini meneliti pola singkatan dan akronim serta faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perkara sedemikian. Selain itu, penggunaan singkatan dan akronim ini dilihat dalam dua bentuk, iaitu lisan dan tulisan. Bentuk lisan digunakan dalam kalangan remaja kerana penggunaan singkatan dan akronim yang terkini menyebabkan mereka dilihat sebagai golongan yang sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan tidak ketinggalan dari mengikuti trend yang baru. Bagi bentuk tulisan pula, penggunaan singkatan dan akronim sering digunakan kerana bentuknya adalah lebih ringkas dan mudah tanpa perlu memikirkan aspek nahu yang sebetulnya.

Pengkaji Muhammad Marwan Mohd Tanos dan Nik Safiah Karim telah menjalankan kajian yang bertajuk *Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal* pada tahun 2014. Fokus kajian ini adalah untuk meneliti proses-proses yang berlaku dalam pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Perbincangan dalam kajian ini adalah untuk menyangkal dakwaan beberapa orang ahli linguistik Barat yang mendakwa bahawa proses-proses pembentukan kata yang melibatkan kaedah pengurangan atau pemendekan, seperti pengakroniman, pengeratan dan penggabungan tidak mengandungi unsur-unsur yang selayaknya terkandung dalam bidang morfologi. Justeru, kajian ini telah memfokuskan proses pembentukan kata yakni penyingkatan dalam bahasa Melayu lantas membuktikan bahawa proses-proses yang terlibat mengandungi aspek morfologi.

Kajian seterusnya yang membincangkan aspek pembentukan kata telah dilakukan oleh Noviatri dan Reniwati pada tahun 2015 yang bertajuk *Singkatan dan Akronim dalam Surat Kabar: Kajian Bentuk dan Proses.* Pengkaji telah memilih abreviasi sebagai tajuk kajian disebabkan oleh penggunaannya semakin meluas dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa terutamanya dalam surat khabar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pembentukan abreviasi yang baru muncul dan meneliti aspek kesesuaiannya dengan proses pembentukan abreviasi yang sedia ada. Oleh sebab itu, kajian ini telah membincangkan bentuk-bentuk abreviasi iaitu singkatan dan akronim yang digunakan dalam surat khabar serta penjelasan terhadap proses pembentukannya.

Kajian morfologi selanjutnya yang membincangkan aspek pembentukan kata telah dilakukan oleh Nurul Atiqah Nor Azman dan Harishon Radzi pada tahun 2017 yang bertajuk *Bahasa Lincah: Pembentukan Kata Baharu dalam Komik Humor Remaja*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pembentukan kata baharu yang diterima pakai dalam komik humor remaja. Pembentukan kata baharu

ini disebabkan perkembangan bahasa yang sering berubah terutamanya dalam kalangan remaja kerana kelompok sedemikian kerap mencipta bahasa yang sesuai dengan imej mereka. Pembentukan kata baharu dalam komik adalah sekadar untuk menarik minat pembaca sahaja dan ianya adalah satu teknik pemasaran secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa sedemikian dapat menarik minat remaja untuk membaca komik tersebut kerana mempunyai unsur-unsur lawak dan juga sesuai dengan cita rasa anak muda.

Pengkaji negara jiran, iaitu Wahyu Oktavia dan Nur Hayati, yang telah membuat kajian terhadap berkaitan *Pola Karakteristik Ragam Bahasa Istilah Pada Masa Pandemi Covid-19 (corona virus disease 2019)* pada tahun 2020. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis istilah atau bentuk kata yang baharu atau kerap digunakan ketika wabak Covid-19. Beberapa aspek ragam bahasa telah dikaji sejajar dengan penggunaannya semasa pandemik Covid-19 yang berlaku di Indonesia dan juga negara-negara lain. Kepentingan yang dilakukan terhadap kajian ini adalah untuk memperlihatkan istilah yang digunakan menepati penggunaannya semasa pandemik ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan istilah yang tepat dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya dalam situasi yang runcing, dapat memberi manfaat kepada keselamatan dan kesejahteraan semua. Lebih-lebih lagi dengan penularan Covid-19 ini, langkah berjaga-jaga sering dikeluarkan oleh pihak pemimpin dan petugas kesihatan, dan sudah tentunya mereka akan menggunakan istilah-istilah yang berkaitan. Tambahan pula, ragam bahasa ini hanyalah timbul dan digunakan bergantung kepada situasi.

Selain kajian yang melibatkan bahasa, terdapat juga kajian yang berkaitan dengan Covid-19 semata-mata. Kajian yang menumpukan wabak Covid-19 telah dilakukan oleh Intan Suria Hamzah dan Fatimahwati Hamzah pada tahun 2020 dengan tajuk *Covid-19 dan Keterancaman Keselamatan Insan di Seluruh Dunia: Suatu Tinjauan Awal*. Fokus kajian ini adalah untuk membincangkan isu semasa berkenaan penularan wabak Covid-19 serta mengenal pasti negara-negara yang paling terkesan sehingga meningkatkan ancaman keselamatan penduduk di negara masing-masing. Seperti yang diketahui umum, jangkitan positif dari wabak Covid-19 telah mengalami peningkatan yang mendadak setiap hari di seluruh dunia. Jadi, perkara ini perlu diambil perhatian yang serius kerana ianya melibatkan nyawa setiap insan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengenal pasti mereka yang dijangkiti, proses saringan telah dilakukan di beberapa tempat terutamanya di lapangan terbang dan stesen kereta api. Tempat-tempat ini mempunyai risiko yang tinggi kerana sering dipenuhi oleh orang ramai yang datang dari pelbagai tempat. Oleh itu, ujian saringan dilakukan terhadap individu yang baru sahaja pulang dari luar negara dan akan dikuarantinkan selepas itu. Pihak World Health Organisation (WHO) sendiri telah mengeluarkan langkah-langkah pencegahan yang perlu diterapkan dalam kegiatan seharian. Perkara ini perlu dibiasakan kerana ianya sudah menjadi norma baru buat semua. Walaupun setiap negara sedang bergelut untuk mengatasi wabak ini, rakyat sebenarnya memainkan peranan penting untuk memutuskan rantaian penularan virus ini dengan memberi kerjasama terhadap perintah kawalan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Norma baru ini bukan sahaja telah mengubah kehidupan setiap orang, namun ianya menjadi satu keperluan yang perlu untuk meneruskan hidup. Jadi, bagi menghargai petugas-petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus untuk merawat mereka yang dijangkiti serta saintis-saintis yang berusaha untuk mencipta vaksin, marilah kita saling mengingati dan menjaga kebajikan antara satu sama lain.

3. Metodologi

Pengkaji juga menetapkan tempoh masa proses pengumpulan data tersebut di mana data-data yang diperoleh adalah di antara bulan Mac 2020 sehingga Disember 2020. Kerasionalan terhadap tempoh ini dipilih adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kes jangkitan positif di Malaysia sehingga pihak kerajaan telah mengambil tindakan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bahkan, sepanjang tempoh ini juga, pelbagai istilah baharu yang muncul bersesuaian dengan kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji iaitu, “Penggunaan Singkatan dalam Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Majlis Keselamatan Negara (MKN)”. Sepuluh orang pengguna yang dipilih oleh pengkaji dilakukan secara

rawak dengan membuka ruang di laman sosial peribadi pengkaji untuk mendapatkan mereka yang berminat untuk menangkap skrin (*screenshot*) mesej-mesej yang diterima daripada pihak MKN. Setelah mereka menghantar bukti-bukti tersebut, pengkaji memilih data-data tersebut dengan kaedah pembacaan untuk mengenal pasti data-data yang berkaitan dengan pembentukan kata yakni singkatan inisialisme yang wujud dalam mesej-mesej tersebut.

Kerangka Teori

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan Ismail *Dahaman (2017)* sebagai rujukan untuk menganalisis dan menghuraikan data-data yang terkumpul dengan lebih terperinci. Proses penyingkatan kata ialah proses yang hanya berlaku bagi membentuk kata tunggal jenis kata akronim (2017:8). Sehubungan dengan itu, penyingkatan kata adalah satu bentuk kata tunggal yang melibatkan akronim (2017:18). Tambahan pula, Ismail telah membahagikan akronim kepada dua bahagian iaitu Akronim Nama Khas dan Akronim Umum. Di bawah Akronim Nama Khas, terdapat tiga lagi pecahan yang merujuk kepada Nama Khas Besar, Nama Khas Biasa dan Singkatan Initialisme.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan membincangkan Akronim Nama Khas sahaja iaitu Singkatan initialisme sementelah data-data yang terkumpul mempunyai perkaitan dengan kategori ini. Di samping itu, pendekatan yang dikemukan oleh *Ismail Dahaman (2017)* turut membincangkan contoh-contoh singkatan initialisme dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengkaji memilih pendekatan ini atas faktor penelitian yang dibincangkan ke atas konsep ini adalah jelas dan terperinci. Justeru, pengkaji dapat mengaplikasikan contoh-contoh data yang ditemui dengan menggunakan pendekatan ini.

Singkatan inisialisme ialah singkatan nama khas yang berbeza daripada akronim nama khas (besar atau biasa). Kata inisialisme ialah singkatan nama khas yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pangkal setiap kata dalam frasa yang berkenaan (Ismail Dahaman 2017: 23), dengan keseluruhan kata ditulis dengan huruf besar juga, tetapi dilafazkan dengan menyebut nama huruf demi huruf (tidak dilafazkan sebagai kata tunggal yang utuh). Kata inisialisme tidak dilafazkan sebagai kata yang utuh kerana tidak memiliki huruf vokal atau tidak cukup huruf vokal untuk membolehkan wujudnya sebutan semua suku kata.

4. Dapatan dan Perbincangan


Menurut Ismail Dahaman (2017), singkatan initialisme adalah satu bentuk kata gabungan daripada huruf-huruf pertama bagi setiap perkataan yang terdapat dalam frasa berkenaan. Singkatan ini membentuk satu kata yang terdiri daripada huruf besar. Namun begitu, apa yang membezakan bentuk singkatan ini daripada akronim adalah dari segi sebutannya. Bagi kategori ini, singkatan yang terbentuk itu disebut mengikut huruf-hurufnya satu per satu. Secara keseluruhannya, terdapat 20 data singkatan di mana 12 data adalah dalam Bahasa Melayu dan lapan data dalam Bahasa Inggeris.

Singkatan	**Frasa Nama**
PKP	**P**erintah **K**awalan **P**ergerakan
PKPB	**P**erintah **K**awalan **P**ergerakan **B**ersyarat
PKPD	**P**erintah **K**awalan **P**ergerakan **D**iperketatkan
PKPP	**P**erintah **K**awalan **P**ergerakan **P**emulihan
PDRM	**P**olis **Di**r**a**ja **M**alaysia
AADK	**A**gensi **A**nti **D**adah **K**ebangsaan

JPA	**J**abatan **P**erkhidmatan **A**wam
KKM	**K**ementerian **K**esihatan **M**alaysia
KL	**K**uala **L**umpur
WP	**W**ilayah **P**ersekutuan
YAB	**Y**ang **A**mat **B**erhormat
KPDNHEP	**K**ementerian **P**erdagangan **D**alam **N**egeri dan **H**al **E**hwal **P**engguna
WFH	**W**ork **F**rom **H**ome
SOP	**S**tandard **O**perating **P**rocedure
HSO	**H**ome **S**urveillance **O**rder
MCO	**M**ovement **C**ontrol **O**rder
CMCO	**C**onditional **M**ovement **C**ontrol **O**rder
EMCO	**E**nhance **M**ovement **C**ontrol **O**rder
CPRC	**C**risis **P**reparedness and **R**esponse **C**entre
MOA	**M**inistry **o**f **A**griculture

Singkatan Bahasa Melayu

Proses pembentukan kata singkatan initialisme boleh dilihat dalam Rajah 1. Contoh singkatan yang ditunjukkan adalah PKP.



Rajah 1: Proses Pembentukan Kata Singkatan Initialisme

Singkatan ini banyak digunakan dalam teks mesej disebabkan perkaitannya dengan situasi semasa pandemik Covid-19. Antara contoh teks yang mengandungi singkatan ini adalah, *"*Klinik veterinar swasta dibenar beroperasi dalam tempoh PKP hanya untuk temujanji awal bagi mengelak klinik sesak dan pergerakan secara besar-besaran" (Majlis Keselamatan Negara).

Seterusnya, singkatan PKPB adalah daripada gabungan huruf-huruf pertama bagi frasa nama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di mana, huruf /p/ daripada perkataan "perintah", huruf /k/ daripada perkataan "kawalan", huruf /p/ daripada perkataan "pergerakan" dan huruf /b/ daripada perkataan "bersyarat". Bagi pembentukan singkatan PKPD pula, huruf /p/ diambil daripada perkataan "perintah", huruf /k/ daripada perkataan "kawalan", huruf /p/ daripada perkataan "pergerakan" dan huruf /d/ daripada perkataan "diperketatkan'

Manakala, singkatan PKPP pula terbentuk hasil daripada gabungan huruf- huruf /p/, /k/, /p/ dan /p/ di mana huruf-huruf ini adalah huruf pertama bagi setiap perkataan frasa nama Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Bagi kependekan kata bahasa Melayu PKP, PKPB, PKPD dan PKPP adalah kata yang terbentuk untuk merujuk kepada pelan tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menangani penularan wabak Covid-19 melalui beberapa fasa yang telah ditetapkan bergantung kepada situasi semasa. Singkatan initialisme tersebut mewakili kepada Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Di samping itu juga, status setiap negeri adalah berbeza mengikut kadar jangkitan yang berlaku di sesebuah negeri tersebut. Oleh hal yang demikian, aktiviti rentas daerah atau negeri telah dihadkan mengikut arahan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak MKN. Sehubungan dengan itu, status sesebuah kawasan atau negeri yang dikeluarkan oleh pihak MKN boleh berubah dari semasa ke semasa.


Selanjutnya, singkatan PDRM adalah hasil gabungan huruf-huruf pertama yang diambil daripada frasa nama Polis Diraja Malaysia. Gabungan huruf-huruf tersebut terdiri daripada huruf /p/ daripada perkataan "polis", huruf /d/ daripada perkataan "di", huruf /r/ daripada perkataan "raja" dan huruf /m/ daripada perkataan "Malaysia". Dalam konteks ini, perkataan "diraja" ditafsirkan sebagai sesuatu yang dimiliki atau dinaungi oleh raja (https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=diraja&d=175768&). Oleh sebab itu, huruf /r/ digunakan sekali dengan huruf /d/ kerana ia memiliki kepentingan untuk menekankan perkataan "raja" tersebut. Contoh penggunaan singkatan ini dalam teks mesej adalah, *"*Kerajaan memandang serius kes keganasan rumahtangga dan penderaan sepanjang tempoh PKP. Salurkan aduan kepada PDRM atau Talian Kasih 15999*"* (Majlis Keselamatan Negara).

Di samping itu, singkatan AADK terbentuk daripada gabungan huruf /a/ daripada perkataan "agensi", huruf /a/ daripada perkataan "anti", huruf /d/ daripada perkataan "dadah" dan huruf /k/ daripada perkataan "kebangsaan". Begitu juga dengan singkatan JPA yang mengambil huruf /j/ daripada perkataan "jabatan", huruf /p/ daripada perkataan "perkhidmatan" dan huruf /a/ daripada perkataan "awam. Bagi singkatan KKM, huruf-huruf yang diambil adalah gabungan daripada huruf /k/ daripada perkataan "kementerian", huruf /k/ daripada perkataan "kesihatan" dan huruf /m/ daripada perkataan "Malaysia". Ketiga-tiga singkatan ini mempunyai corak yang sama di mana huruf-huruf yang diambil adalah huruf pertama bagi setiap perkataan frasa nama masing-masing.

Sementara itu, singkatan KL terbentuk daripada hasil gabungan huruf /k/ dan /l/ yang merujuk kepada perkataan Kuala Lumpur. Begitu juga singkatan WP yang mengambil huruf /w/ dan /p/ daripada perkataan Wilayah Persekutuan. Bagi singkatan YAB pula, huruf-huruf yang diambil adalah huruf /y/, /a/ dan /b/ daripada perkataan Yang Amat Berhormat. Antara contoh konteks mesej yang menggunakan singkatan ini adalah, "Perutusan Khas secara langsung oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini, 10 April 2020, 4 petang. Bersama-sama kita memutuskan rantaian penyebaran COVID-19*"* (Majlis Keselamatan Negara).

Singkatan seterusnya adalah KPDNHEP yang terbentuk daripada perkataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Huruf-huruf yang diambil adalah huruf /k/ daripada perkataan "kementerian", huruf /p/ daripada perkataan "perdagangan", huruf /d/ daripada perkataan "dalam", huruf /n/ daripada perkataan "negeri", huruf /h/ daripada perkataan "hal", huruf /e/ daripada perkataan "ehwal" dan huruf /p/ daripada perkataan "pengguna". Dalam konteks ini, kata hubung "dan" tidak dipertimbangkan untuk disertakan dalam pembentukan singkatan ini. Contoh teks mesej yang menggunakan singkatan ini adalah, *"*Rakyat terutama di kawasan PKPB dinasihat bertenang & tidak membuat pembelian panik. KPDNHEP menjamin barang keperluan utama dan makanan adalah mencukupi" (Majlis Keselamatan Negara).

Singkatan Bahasa Inggeris



Rajah 2: Proses Pembentukan Kata Singkatan Initialisme

Bagi singkatan Bahasa Inggeris WFH, proses pembentukan kata tersebut boleh dilihat dalam Rajah 2. Perlakuan sedemikian juga berlaku kepada singkatan SOP yang mengambil huruf /s/ daripada perkataan "standard", huruf /o/ daripada perkataan "operating*"* dan huruf /p/ daripada perkataan "procedure*".* Contoh ayat yang menggunakan singkatan ini adalah, "Selain daripada sektor awam dan swasta, lain-lain sektor ekonomi tidak formal boleh beroperasi seperti biasa di kawasan PKPB berdasarkan SOP sedia ada*"* (Majlis Keselamatan Negara).

Sepanjang penularan virus ini di Malaysia, beberapa SOP telah dikeluarkan sepanjang pandemik ini dan sentiasa berubah-ubah mengikut situasi semasa. Antara SOP yang terlibat adalah proses pengendalian mangsa jangkitan Covid-19 yang perlu diambil cakna oleh setiap staf perubatan dan juga SOP yang dikenakan oleh setiap rakyat terhadap pergerakan mereka sama ada berada di tempat kerja mahupun di tempat awam. Tindakan-tindakan ini dilakukan bagi mengurangkan kadar jangkitan virus ini dengan mengenal pasti lokasi-lokasi jangkitan itu mungkin berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana, kerajaan telah melancarkan aplikasi MySejahtera yang berperanan untuk merekodkan keberadaan seseorang pada waktu itu. Walaupun tidak menggunakan aplikasi tersebut, mana-mana premis yang dikunjungi oleh orang luar perlu membuat rekod kehadiran mereka pada masa tersebut. Secara tidak langsung, individu-individu yang terlibat dapat dikenal pasti sekiranya terdapat kes jangkitan yang berlaku di kawasan tersebut.

Bagi singkatan HSO pula, huruf /h/ diambil daripada perkataan "home", huruf /s/ diambil daripada perkataan "surveillance*"* dan huruf /o/ diambil daripada perkataan "order". Frasa ini membawa maksud perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah. Pembentukan frasa ini wujud apabila kerajaan telah mengeluarkan arahan untuk mengasingkan individu yang berkemungkinan positif terhadap jangkitan virus Covid-19. Walaupun golongan berkenaan telah menjalani ujian saringan Covid-19, mereka perlu berada di rumah dan mengasingkan diri dari orang lain buat tempoh yang tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masa untuk mengesan jangkitan virus tersebut mengambil masa beberapa hari. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penularan virus ini tidak berlaku secara leluasa, individu yang terlibat perlu mengisolasi diri sendiri buat sementara waktu sehingga ujian saringan yang dibuat telah dikeluarkan untuk tindakan selanjutnya. Sepanjang tempoh kuarantin kendiri ini, pihak MKN akan membuat lawatan secara berkala ke rumah individu-individu yang terlibat bagi memastikan mereka kekal berada di rumah masing-masing.

Selanjutnya, singkatan MCO terbentuk hasil gabungan huruf-huruf /m/, /c/ dan /o/ daripada perkataan *Movement Control Order*. Bagi singkatan CMCO, huruf-huruf yang diambil adalah huruf-huruf pertama daripada perkataan *Conditional Movement Control Order* iaitu huruf /c/, /m/, /c/ dan /o/. Singkatan EMCO pula adalah hasil gabungan huruf /e/ daripada perkataan "enhance*"*, huruf /m/ daripada perkataan "movement*"*, huruf /c/ daripada perkataan "control" dan huruf /o/ daripada perkataan "order*"*.

Singkatan CPRC pula terbentuk hasil gabungan huruf-huruf pertama bagi frasa *Crisis Preparedness and Response Centre*. Huruf-huruf yang diambil adalah huruf /c/ daripada perkataan "crisis*"*, huruf /p/ daripada perkataan *"*preparedness*"*, huruf /r/ daripada perkataan "response*"* dan huruf /c/ daripada perkataan *"centre".* Dalam konteks ini, kata hubung "and*"* tidak diambil untuk dijadikan sebahagian daripada singkatan CPRC. Tambahan pula, perkhidmatan ini adalah salah satu khidmat yang ditawarkan oleh pihak KKM yang membolehkan masyarakat menghubungi pihak berkenaan untuk melaporkan atau mendapatkan maklumat mengenai wabak Covid-19.

Di samping itu, singkatan MOA pula melibatkan gabungan huruf-huruf /m/, /o/ dan /a/ yang diambil daripada perkataan *Ministry of Agriculture*. Konteks ayat yang menggunakan singkatan ini adalah seperti, "KPDNHEP dan MOA sentiasa memantau bekalan barangan keperluan dan makanan harian di dalam negara. Secara amnya bekalan mencukupi" (Majlis Keselamatan Negara). Jabatan ini bertanggungjawab dalam sektor pertanian di negara kita. Seperti yang kita sedia maklum, disebabkan oleh penularan wabak ini yang semakin menjadi-jadi, banyak sektor perniagaan yang perlu ditutup buat sementara waktu. Oleh sebab itu, bagi memastikan masyarakat tetap memperoleh hasil tani di kawasan-kawasan tertentu, MOA berperanan untuk mengawal selia pengedaran terhadap barang-barang tersebut agar sentiasa mencukupi.

Penggunaan Kata Singkatan dalam Konteks Ayat

Konteks teks mesej yang dihantar oleh pihak MKN turut diteliti dari segi penggunaan kata singkatan dalam mesej tersebut. Pengkaji mendapati bahawa terdapat satu corak singkatan yang rancu bahasa berlaku dalam teks mesej Bahasa Melayu tetapi menggunakan singkatan dalam Bahasa Inggeris. Kerancuan bahasa yang dimaksudkan adalah penggunaan dua singkatan dalam bahasa Inggeris yakni WFH dan SOP dalam teks bahasa Melayu. Penggunaan singkatan WFH dan bukan Bekerja Dari Rumah (BDR) dalam konteks ini menjelaskan bahawa penggunaannya dalam bahasa Inggeris adalah lebih mudah difahami dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, singkatan ini sudah semakin banyak digunakan dalam pelbagai konteks sekalipun jika hendak dibandingkan dengan BDR yang jarang digunakan. Sehingga kini, WFH telah diperakui oleh setiap lapisan masyarakat dan kerap digunakan walaupun dalam konteks dua bahasa yang berbeza. Tambahan pula, singkatan WFH boleh dianggap bersifat universal disebabkan oleh kepenggunaannya di seantero dunia lebih-lebih lagi ketika penyebaran wabak ini. Antara contoh penggunaannya dalam teks mesej Bahasa Melayu adalah, "Susulan arahan WFH di kawasan PKPB. Pekerja & majikan dinasihatkan untuk merujuk Surat Edaran JPA bagi sektor awam & laman sesawang MITI bagi sekto swasta" (Majlis Keselamatan Negara).

Manakala singkatan SOP pula banyak digunakan dalam pelbagai konteks. Jika hendak diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, frasa ini membawa maksud Prosedur Pengendalian Standard (PPS). Penggunaan SOP banyak digunakan semasa tempoh penularan wabak ini disebabkan kewujudan beberapa garis panduan yang perlu dilaksanakan bagi membendung wabak ini daripada berleluasa. Namun begitu, SOP telah wujud sebelum pandemik ini lagi dan digunakan di mana-mana sahaja yang memerlukan garis panduan terutamanya badan-badan yang mempunyai organisasi sistematik dan tersusun. Jadi, tidak peliklah sekiranya penggunaan SOP diutamakan walaupun dalam konteks Bahasa Melayu kerana ianya sudah biasa kepada semua pihak. Tamsilnya, "Sila rujuk SOP yang terkini dan sahih melalui laman sesawang dan media sosial MKN" (Majlis Keselamatan negara). Bahkan, sekiranya singkatan PPS digunakan, sudah pasti ianya akan menimbulkan kekeliruan kerana tidak pernah digunakan. Namun begitu, sekiranya ditulis dalam perkataan penuhnya yakni Prosedur Pengendalian Standard, sedikit sebanyak maksud yang hendak disampaikan dapat difahami dengan lebih jelas. Walau bagaimanapun, sementelah kajian ini memfokuskan terhadap kajian teks mesej yang disampaikan oleh pihak MKN, jadi kiriman mesej tersebut perlulah ringkas dan menggunakan ayat-ayat yang difahami oleh setiap orang. Jadi, tidak mustahil penggunaan SOP tetap digunakan walaupun telah melanggar aturan sesuatu bahasa tersebut.

5. Implikasi Kajian

Data-data yang dijelaskan dalam kajian ini dapat membuktikan bahawa penggunaan singkatan dalam penyampaian maklumat adalah signifikan dalam kalangan masyarakat tempatan. Tindakan ini juga sebenarnya membantu masyarakat untuk mengenali dan mengingati singkatan-singkatan yang digunakan dalam konteks yang betul. Tambahan pula, atas faktor kekangan bilangan patah perkataan bagi setiap mesej yang dihantar, penggunaan singkatan adalah perlu bagi memastikan mesej tersebut adalah jelas dan dapat difahami. Penggunaan singkatan terutamanya ketika berkomunikasi menerusi medium teks mesej adalah perkara yang lazim. Justeru, banyak pembentukan kata dari aspek singkatan telah berlaku.

Keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat sangat penting bila dikaitkan dengan gejala dan penularan COVID -19. Justeru, sebarang makluman mahupun arahan perlu sampai daripada pihak yang berautoriti. Kebarangkalian, masyarakat mengabaikan sebarang makluman/perintah kerana keraguan boleh berlaku. Justeru, peranan MKN membentuk sistem pesanan ringkas yang dihebahkan kepada masyarakat menerusi peranti telefon bimbit sangat memudahkan. Pembauran penggunaan singkatan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, jika dinilai berdasarkan keswadayaan perkembangan Bahasa Melayu di Malaysia memang sedikit mengecewakan. Namun, berdasarkan analisis kajian ini, penggunaan singkatan Bahasa Inggeris menjuruskan kepada singkatan yang sedia wujud dan dikenali oleh masyarakat, contohnya, SOP dan WFH berbanding singkatan PPS (Prosedeur Pengoperasian Standard) dan BDR (Bekerja Dari Rumah). Meskipun fenomena COVID - 19 sudah memasuki tahap endemik bermula 1 April 2022 (Mohd Nasaruddin Parzi dan Faris Daud 2022).

Fasa endemik merupakan fasa peralihan untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan Pandemik COVID -19 sejak tahun 2020. Meskipun fasa endemik merupakan fasa sementara sebelum negara ke fasa endemik (sepenuhnya) yang mana ia tertakluk kepada pengumuman pertubuhan kesihatan sedunia (WHO), penerapan SOP tetap disyaratkan untuk diamalkan oleh masyarakat.

Contohnya,

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata:

“ walaupun memasuki fasa endemik bermula 1 April ini, pemakaian pelitup muka masih diwajibkan di tempat awam. Bagaimanapun had operasi bagi premis perniagaan dimansuhkan, sebaliknya dibenarkan beroperasi mengikut syarat lesen masing-masing”.

(dipetik daripada bhnews@bh.com.my pada 8 Mac 2022@5.40petang)

Ternyata berdasarkan skop dan batasan kajian mendapat data-data dalam tempoh Mac – Disember 2020 menerusi Sistem Pesanan Ringkas oleh MKN agak terhad jumlahnya., namun berkemungkinan akan bertambah seiring dengan perkembangan penularan virus ini. Sehubungan dengan itu, itu, penggunaan singkatan yang dipaparkan adalah relevan digunakan dalam pandemik ini. Malahan masih relevan apabila negara memasuki fasa endemik pada tahun 2022.

6. Kesimpulan

Kajian yang dilakukan ini membawa perkongsian kajian yang dimanfaatkan semasa gejala pandemik COVID-19 sangat meluas di Malaysia dan dunia. Pengkaji dapat menganalisis penggunaan singkatan inisialisme yang digunakan semasa pandemik Covid-19 dalam bentuk teks mesej yang dihantar oleh pihak MKN. Sehubungan dengan itu, pengkaji dapat menganalisis bentuk singkatan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Terdapat 20 data keseluruhannya di mana sebanyak 12 data singkatan Bahasa Melayu dan lapan data singkatan Bahasa Inggeris.

Kerencaman yang wujud dalam penggunaan singkatan ini adalah disebabkan oleh faktor linguistik yang memfokuskan kepada dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dalam penganalisisan yang dibuat, pengkaji telah menggunakan pendekatan Ismail Dahaman (2017) sebagai rujukan untuk mengenal pasti jenis kata kependekan tersebut. Berdasarkan faktor tersebut, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat satu corak sahaja bagi pembentukan singkatan initialisme, di mana pembentukannya adalah dengan mengambil huruf-huruf pertama bagi setiap komponen frasa yang berkenaan. Jelas, pematuhan dari segi pembinaan kata singkatan (berdasarkan Ismail Dahaman 2017) masih terus dipraktikkan.

Rujukan

Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani ahmad, Nor hashimah Jalaluddin dan Harishon Radzi.2010. Sifat Klitik dan sifat Morfem dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*,Jilid 11 Disember 2010. Halaman 1-10.

Intan Suria Hamzah & Fatimahwati Hamzah. 2020. Covid-19 dan Keterancaman Keselamatan di Seluruh Dunia: Satu Tinjaun Awal. *Prosiding Perangkuman dan Penyisihan Sosial dalam Revolusi Industri ke-4*, hlm. 522-532.

Ismail Dahaman. 2017. *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri. 2020. Covid-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi. *Journal of Language Studies* Volume 20(3).

Muhammad Marwan Mohd Tanos & Nik Safiah Karim. 2020. Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(3), 2014: 51-65.

Nani Astuti. 2014. Singkatan dan Akronim di Kalangan Remaja di Kota Bandung. Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia, FPBS, UPI.

Mohd Nasaruddin Parzi dan Faris Daud. 2022 . Malaysia Masuk Fasa Peralihan Endemik COVID-19 bermula 1 April. bhnews@bh.com.my pada 8 Mac 2022@5.40petang

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood.2015. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norizah Aripin. 2004. Pola Penggunaan Perkhidmatan Pesanan Ringkas dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Noviatri & Reniwati. 2015. Singkatan dan Akronim dalam Surat Kabar: Kajian Bentuk dan Proses. *Jurnal Arbiter* Vol. 2, April 2015.

Nurul Atiqah Nor Azman & Harishon Radzi. 2017. Bahasa Lincah: Pembentukan Kata Baharu dalam Komik Humor Remaja. *Jurnal Linguistik* Vol. 21 (1): 67-74.

Wahyu Oktavia & Nur Hayati. 2020. Pola Karakteristik Ragam Bahasa Istilah pada Masa Pandemi Covid-19 (Coronavirus Disease 2019). *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya* Vol. 1(1).

Rujukan dalam Talian

(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=diraja&d=175768&).

(https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2531?mid=13 [18 November 2020]).

(https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2531?mid=13 [18 November 2020])

https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1 [18 November 2020]).

Biodata Penulis

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan dan Ketua Program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Morfologi, Geolinguistik dan Linguistik dan Komunikasi.

Nur Anis Syafika bintin Zulkefly merupakan alumni Sarjana Muda di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik sesi 2020-2021, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini menyambung pengajian ke tahap sarjana falsafah di Program Linguistik.

Junaini Kasdan ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum bergiat dalam bidang akademik, beliau bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa, DBP di Bahagian Peristilahan dan Leksikologi. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Melayu, Terminologi dan Leksikologi.